



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 46

18 Disember 2003

No. 26

No. 521.

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
(Perkara 36(1))

LAWS OF THE CONSTITUTION OF KEDAH DARUL AMAN
(Article 36(1))

Menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perkara 36(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman maka inilah dinyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan suka hati melantik dengan surat yang mengandungi tandatangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dimeteri dengan Mohor Kerajaan, Dato' Wira Ku Nahar bin Ku Ibrahim, D.G.M.K., D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman mulai daripada 11 Rabiulakhir 1424 bersamaan dengan 12 Jun 2003.

By virtue of the powers conferred on him by Article 36(1) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman it is hereby notified that His Royal Highness the Sultan of Kedah Darul Aman has been pleased to appoint by Instrument under His Sign Manual and the State Seal, Dato' Wira Ku Nahar bin Ku Ibrahim, D.G.M.K., D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., to be the State Secretary in the State of Kedah Darul Aman with effect from 11th Rabiulakhir 1424 corresponding to 12th June 2003.

Bertarikh 4 November 2003.
Dated 4 November 2003.
[PSU(K) SULIT 50/1391.]

ABDUL AZIZ BIN HAJI ABD. GHANI,
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia),
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Kedah Darul Aman

No. 522.

Menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perkara 36(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman maka inilah dinyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan suka hati melantik dengan surat yang mengandungi tandatangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dimeteri dengan Mohor Kerajaan, Dato' Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, D.S.D.K., B.M.S., A.M.K., B.C.K., menjadi Pegawai Kewangan dalam Negeri Kedah Darul Aman mulai daripada 11 Rabiulakhir 1424 bersamaan dengan 12 Jun 2003.

By virtue of the powers conferred on him by Article 36(1) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman it is hereby notified that His Royal Highness the Sultan of Kedah Darul Aman has been pleased to appoint by Instrument under His Sign Manual and the State Seal, Dato' Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, D.S.D.K., B.M.S., A.M.K., B.C.K., to be the State Financial Officer in the State of Kedah Darul Aman with effect from 11th Rabiulakhir 1424 corresponding to 12th June 2003.

Bertarikh 4 November 2003.

Dated 4 November 2003.

[PSU(K) SULIT 50/1391.]

ABDUL AZIZ BIN HAJI ABD. GHANI,
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia),
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Kedah Darul Aman

No. 523.

Menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perkara 36(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman maka inilah dinyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan suka hati melantik dengan surat yang mengandungi tandatangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dimeteri dengan Mohor Kerajaan, Puan Aziah binti Ali menjadi Penasihat Undang-undang dalam Negeri Kedah Darul Aman mulai daripada 3 Jamadilakhir 1424 bersamaan dengan 1 Ogos 2003.

By virtue of the powers conferred on him by Article 36(1) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman it is hereby notified that His Royal Highness the Sultan of Kedah Darul Aman has been pleased to appoint by Instrument under His Sign Manual and the State Seal, Puan Aziah binti Ali to be the Legal Advisor in the State of Kedah Darul Aman with effect from 3rd Jamadilakhir 1424 corresponding to 1st August 2003.

Bertarikh 4 November 2003.

Dated 4 November 2003.

[PSU(K) SULIT 50/1391.]

ABDUL AZIZ BIN HAJI ABD. GHANI,
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia),
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Kedah Darul Aman

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

EXCISE ACT 1976

(Act 176)

No. 524.

PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

MESYUARAT SETENGAH TAHUN PERTAMA 2004

NOTIS

EXCISE (LICENSING BOARD) REGULATION 1977

FIRST YEARLY MEETING 2004

NOTICE

Notis adalah diberi bahawa Lembaga Pelesenan Daerah Kota Setar akan mengadakan Mesyuarat Setengah Tahun Pertama bagi Tahun 2004 di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Kota Setar pada 24-12-2003 jam 10.00 pagi dengan tujuan-tujuan berikut:

- (i) Untuk menimbangkan permohonan-
permohonan baru penjualan liquor yang
memabukkan (RESOLUSI 1)
- (ii) Untuk menimbangkan permohonan untuk
memperbaharui lesen penjualan liquor
yang memabukkan (RESOLUSI 2)
- (iii) Untuk menimbangkan permohonan untuk
memindahmilik lesen penjualan liquor
yang memabukkan (RESOLUSI 3)
- (iv) Untuk menimbangkan permohonan untuk
memindah premis perniagaan bagi penjualan
liquor yang memabukkan (RESOLUSI 4)

Ingatan:

Semua permohonan untuk mendapatkan lesen penjualan liquor yang memabukkan bagi Setengah Tahun Pertama 2004 hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan di dalam Jadual kepada Lembaga Pelesenan & Eksais—Peraturan 1977 (dalam 4 salinan) dan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais bagi Daerah Kota Setar supaya sampai sebelum 10 November 2003.

Bagi permohonan untuk memperbaharui lesen ianya hendaklah dibuat 4 minggu sebelum tarikh tamat lesen yang sedia ada.

Tiap-tiap permohonan untuk mendapat lesen di premis yang belum dilesenkan adalah dikehendaki mengiklan permohonan atas perbelanjaan sendiri di dalam akhbar tempatan di dalam Bahasa Malaysia dalam masa dua (2) minggu sebelum mesyuarat diadakan dan dalam mana cara yang diarahkan oleh Pengerusi.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

660

[18 Dis. 2003]

Notice is hereby given that the Kota Setar Excise Licensing Board Meeting will be held at the District Office Kota Setar Conference Room on 24-12-2003 at 10.00 a.m. for the following purposes:

- | | |
|---|----------------|
| (i) To consider of the new application for licence to sell intoxicating liquors | (RESOLUTION 1) |
| (ii) To consider application for renewal of licence to sell intoxicating liquors | (RESOLUTION 2) |
| (iii) To consider application for the transfer of ownership of licence to sell intoxicating liquors | (RESOLUTION 3) |
| (iv) To consider application for the transfer of address of licence to sell intoxicating liquors | (RESOLUTION 4) |

Notes:

All application for licence for the First Yearly of 2004 must be made in the form prescribed in the Schedule to the Excise (Licensing Board) Regulations 1977 (in quadruplicate) and should be submitted to the Chairman of the Excise, Licensing Board at the Kota Setar District Office not later than 10th November 2003.

In case of application for renewal of licence it must be done 4 weeks before the date of expiry of existing licences.

Every application for a licence for premise which was not previously licenced are required to advertise the application at its own expences in the newspaper (in Bahasa) within the period of two weeks before meeting takes place and in whatever way the Chairman may direct.

Bertarikh 16 November 2003.

Dated 16 November 2003.

[PSU(K) 281/85 Jld. 3; PDKS/60/1 Kulit 4(91).]

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAMID,
Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais,
Daerah Kota Setar,
Kedah Darul Aman

No. 525.

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN
NOTIS
LICENSING BOARD MEETING
NOTICE

Notis adalah dengan ini diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Yan bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Yan pada hari Ahad 28 Disember 2003 jam 9.00 pagi.

-
2. Semua permohonan untuk lesen atau penukaran lesen-lesen bagi setengah tahun yang pertama 2004 hendaklah dibuat di dalam borang yang ditetapkan di dalam Jadual bagi Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) Tahun 1977 (empat helai) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Daerah Yan di Pejabat Daerah Yan tidak lewat daripada 30 November 2003.
3. Tiap-tiap permohonan untuk lesen bagi bangunan yang belum lagi dilesenkan hendaklah di atas perbelanjaannya sendiri menyiarkan permohonan dengan menampalkan satu salinan permohonan itu di bangunan tersebut di atas, dan di dalam surat-surat akhbar dalam masa dua minggu sebelum mesyuarat diadakan dan kepada apa-apa cara juga yang harus diarahkan oleh Pengerusi.

Notice is hereby given that the Yan Excise Licensing Board Meeting on intoxicating drinks will be held at the District Office, Yan on Sunday 28th December 2003 at 9.00 a.m.

2. All applications for licences transfer or for licences for the first half year of 2004 must be made in the form prescribed in the Schedule to the Excise (Licensing Board) Regulations 1977 (in quadruplicate) and should be submitted to the Chairman of the Yan Excise Licensing Board at the District Office, Yan not later than 30th November 2003.

3. Application for licences, for building which have not been licensed, should at the applicant's own expenses, advertise the application by displaying a copy of application at the same building, and in the newspaper within a period of two weeks before meeting takes place and in whatever way the Chairman may direct.

Bertarikh 10 November 2003.

Dated 10 November 2003.

[PSU(K) 103/1385 Jld. 3; PDY/52/70 Jld. VI(86).]

HAJI BASHIRUDIN BIN HAJI ABDUL JAMIL,
Pengerusi Lembaga Melesen Eksais,
Daerah Yan,
Kedah Darul Aman

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)
NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 526.

(Seksyen 27)
NOTIS MENGENAI SIASATAN
(Section 27)
NOTICE OF ENQUIRY

Satu siasatan akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian pada hari Selasa bersamaan 23 Disember 2003 pada pukul 10.00 pagi berkenaan dengan perkara berikut:

Cadangan Membatalkan Sijil Simpanan seperti dalam Jadual di bawah ini mengikut seksyen 64 Kanun Tanah Negara

Sesiapa jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan itu dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan yang ada dalam miliknya.

Sesiapa jua orang itu boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Sesiapa jua orang itu boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, supaya siasatan itu ditempohkan atau supaya tempat siasatan itu diubah dengan menyatakan:

- (a) sebab-sebab penempahan atau perubahan itu diminta; dan
- (b) jenis dan isi keterangan yang dicadangkan hendaklah diberi atau dikemukakan olehnya.

An enquiry will be held at Pejabat Pengarah Tanah dan Galian on Tuesday the 23rd of December 2003 at 10.00 a.m. in respect of the following matter:

Proposal to Revoke Reserved Land described in the Schedule below *vide* section 64 of the National Land Code

Any person who has any interest in this matter or wishes to make any claim, objection or other submission should attend at the place at the time specified and be prepared to give oral evidence and to produce any documentary evidence he may possess.

Any such person may be assisted at the enquiry by an advocate and solicitor.

Any such person may, by registered letter, apply for postponement or for a change of venue, stating:

- (a) the person for which such postponement or change is sought; and
- (b) the nature and substance of the evidence which he proposes to give or adduce.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

18 Dis. 2003]

663

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Ayer Puteh; Kawasan—Pokok Tai; Daerah—Pendang; Lot—2227; Sijil Simpanan—393; Keluasan—1a. 2r. 00p. (0.6091 Hektar); Syarat—Tapak Rumah Kuli; Pengawal—State Engineer Kedah.

Bertarikh 27 November 2003.

Dated 27 November 2003.

[PSU(K) 589/1399 Jld. 3; PTG.(Ked.) A/Kes/8/2003(2).]

HAJI ABDULLAH BIN OSMAN,
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian 1,
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Kedah Darul Aman

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaiknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA